KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
(Ministry of Finance Malaysia)
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN,
NO. 5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62592 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8882 3000
Cable : TREASURY, KL
Telex : FEDTRY MA 32369
Fax : 03-8882 4352
:
Web : http://www.treasury.gov.my

S/K.KEW/PK/PP/1100/000000/
10/31 JLD.32 (8)
20 April 2012

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

Y. Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PENYERAHAN BIL/TUNTUTAN OLEH PEMBEKAL/KONTRAKTOR DALAM TEMPOH 14 HARI KEPADA AGENSI KERAJAAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan usaha Kerajaan untuk menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan, Kementerian Kewangan telah memutuskan supaya satu peringatan diberi kepada pembekal/kontraktor untuk menyegerakan penyerahan bil/tuntutan kepada Agensi Kerajaan. Ia bertujuan untuk mengelakkan kelewatan pembayaran oleh pihak Kerajaan dan bayaran dibuat di bawah Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a). Sehubungan itu, semua Agensi Kerajaan dikehendaki untuk memasukkan peringatan kepada pembekal/kontraktor supaya bil/tuntutan diserahkan dengan segera dalam tempoh 14 hari oleh pembekal/kontraktor sebaik sahaja barangan atau perkhidmatan dibekalkan atau kerja disempurnakan dalam dokumen perolehan Kerajaan seperti dokumen Kontrak/Pesanan Kerajaan/ Inden Kerja/Surat Setuju Terima, yang mana bersesuaian seperti berikut:

> "Pembekal/Kontraktor diberi peringatan supaya mengemukakan bil/tuntutan yang lengkap dalam tempoh 14 hari daripada tarikh bekalan atau perkhidmatan dibekalkan atau kerja disempurnakan untuk membolehkan bayaran dibuat dengan segera. Kerajaan tidak akan bertanggungjawab di atas kelewatan pembayaran kepada pembekal/kontraktor jika bil/tuntutan tidak dihantar dengan segera dalam tempoh 14 hari".

3. Arahan ini berkuat kuasa daripada tarikh surat ini ditandatangani.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DATO' FAUZIAH BT YAACOB)
Bahagian Perolehan Kerajaan
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

s.k.: Ketua Setiausaha Negara
Ketua Audit Negara Malaysia
Akauntan Negara Malaysia
Semua Pegawai Kewangan Negeri